

Kemampuan Pelajar Peringkat Menengah dan Pengajian Tinggi dalam Menguasai elemen Kolokasi Bahasa Arab di Malaysia: Satu Kajian Literatur

The Ability of Secondary and Higher Education Students in Mastering the Elements of Arabic Collocation in Malaysia: A Literature Review

Mohamad Rofian Ismail¹, Nur Arisya Hazman²

ABSTRAK

Realiti pembelajaran dan pengajaran di Malaysia menunjukkan jenis kolokasi yang sering diajar dan dipelajari ialah yang berbentuk kolokasi frasa kata kerja dan kolokasi frasa kata nama iaitu kolokasi antara kata kerja dan kata nama (KK + KN), kolokasi antara kata nama dan kata adjektif (KN + Adj), kata nama dan kata sendi (KN + KSN). Kajian ini adalah berbentuk kajian tinjauan diskriptif berdasarkan analisis dokumen. Pengkaji menggunakan kajian-kajian lepas berkaitan kolokasi bahasa Arab sebagai data kajian. Data-data daripada kajian-kajian lepas dianalisis dan dikategorikan mengikut tajuk dan tema kajian bagi melihat sejauhmana pengetahuan dan kefahaman pelajar di peringkat pengajian tinggi di Malaysia memahami kolokasi bahasa Arab dan mengaplikasikannya dalam penggunaan bahasa Arab mereka. Kajian-kajian lepas menunjukkan tahap pemahaman dan pengetahuan pelajar peringkat pengajian menengah dan tinggi terhadap kolokasi bahasa Arab adalah lemah. Mereka kurang menguasai dan memahami elemen kolokasi bahasa Arab dengan baik. Justeru, daripada dapatan kajian lepas yang dikaji menunjukkan bahawa para pelajar tidak mempunyai kemahiran dalam menggabungkan perkataan bersesuaian dengan konteks ayat semasa binaan ayat. Keadaan ini mengakibatkan pelajar menghadapi masalah dari sudut mengapikasi perbendaharaan kata yang dimiliki secara tepat seterusnya tidak dapat menyampaikan maklumat yang dikehendaki. Mereka secara umumnya didapati lemah dan tidak berkemampuan untuk menguasai elemen kolokasi bahasa Arab di peringkat menengah dan juga universiti.

Kata kunci: *kemampuan, pelajar, pengajian tinggi, kolokasi, bahasa Arab*

¹ Mohamad Rofian bin Ismail, Doctor of Philosophy in Education, Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), mohdrofian@kuis.edu.my.

² Nur Arisya binti Hazman, Master Degree Student, Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), mohdrofian@kuis.edu.my.

ABSTRACT

The reality of learning and teaching in Malaysia shows that the type of collocation that is often taught and learned is in the form of verb phrase collocation and noun phrase collocation, namely collocation between verbs and nouns (KK + KN), collocation between nouns and adjectives (KN + Adj), nouns and conjunctions (KN + KSN). This study is a descriptive survey study based on document analysis. The researchers use previous studies related to Arabic collocation as research data. Data from previous studies were analysed and categorised according to the title and theme of the study to see the extent to which the knowledge and understanding of students in higher education in Malaysia understand the collocation of Arabic and apply it in their use of Arabic. Past studies have shown that the level of understanding and knowledge of secondary and tertiary students on Arabic collocation is weak. They lack mastery and fail to understand the collocation elements of the Arabic language well. So, it is clear from the findings of previous studies that students do not have the skills in combining words in accordance with the context of the sentence during sentence construction. This situation results in students facing problems in terms of applying the vocabulary they have accurately, and subsequently they are unable to convey the desired information. They are generally found to be weak and incapable of mastering the collocational elements of Arabic at the secondary as well as university levels.

Keywords: *ability, students, Higher Education, collocation, Arabic*

Pengenalan

Kolokasi adalah sebahagian daripada elemen bahasa yang terkandung dalam sesuatu struktur binaan ayat. Fenomena bahasa ini diberi maksud yang pelbagai dan berbeza oleh pakar bahasa dan linguistik berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi dalam kajian mereka.

Kolokasi mula diperkenalkan oleh Palmer (1959) dalam bukunya *A Grammar of English Words* dengan memberi definisi kolokasi sebagai urutan dua atau lebih perkataan yang maknanya sukar untuk dibuat kesimpulan daripada komponen pengetahuan perbendaharaan kata mereka. Namun begitu, Firth (1957) dalam Widdowson (2007) terlebih dahulu menyatakan *meaning by collocation* bermaksud hubungan makna antara unsur-unsur leksikal pada aras sintagmatik, iaitu hubungan linear dalam paparan tertentu dan bukannya pada aras paradigmatic seperti sinonim dan antonim.

Hakikatnya kolokasi adalah kombinasi dua atau lebih leksem yang mempunyai hubungan semantik yang kuat. Merujuk kepada konsep susunan rangkai kata, kolokasi terletak antara kombinasi terbuka, kata majmuk dan simpulan bahasa berdasarkan kepada dua kriteria iaitu aras ketetapan dan aras kesukaran (Grimm, 2009). Menurut beliau kolokasi berbeza dengan idiom dan ungkapan tetap kerana kolokasi lebih longgar dari prinsip sintaksis dan lebih mudah dari sudut semantik. Idiom dan ungkapan tetap merupakan pola-pola bahasa yang tidak fleksibel kepada variasi bentuk dan maknanya sukar ditelusuri berdasarkan makna perkataan yang membentuknya (Baker, 1992).

Abdul Wahab (2014) mendefinisikan kolokasi (*collocation*) adalah aspek bahasa yang dijelaskan sebagai urutan kata yang mengiringi kata tertentu. Dengan kata lain, kombinasi antara dua unit makna yang berasingan tetapi mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Manakala maksud kolokasi menurut Crowther et al. (2002) dalam *Oxford Collocations Dictionary for Students of English* dijelaskan sebagai langkah menggabungkan beberapa perkataan dalam suatu bahasa untuk menghasilkan ungkapan dalam pertuturan dan penulisan seperti penutur natif. Kolokasi juga ditakrifkan dalam Kamus Dewan sebagai kewujudan hubungan kedudukan antara satu perkataan dengan yang lain dalam satu susunan (misal dalam ayat); berkolokasi (bagi sesuatu kata yang) kerap kelihatan bersebelahan (berdekatan) antara satu sama lain (Baharom, 2015).

Dalam bahasa Arab elemen kolokasi merupakan aspek semantik yang sangat menarik untuk dikaji lebih-lebih lagi jika aspek ini dipelajari oleh pelajar-pelajar di peringkat menengah dan pengajian tinggi. Kefahaman pelajar terhadap aspek kolokasi ini dapat membantu mereka menguasai kemahiran bahasa Arab khususnya kemahiran menulis. Pelajar yang kurang memahami aspek ini didapati kurang menguasai bahasa Arab dengan baik. Hal ini adalah kerana menurut Hajimaming & Mezah (2010) kesilapan penggunaan kata atau frasa dalam ayat yang membawa makna yang berlainan atau kurang menepati makna yang disampaikan akan menjejaskan pemahaman ayat berkenaan. Sehubungan dengan itu, pengkaji merasakan perlunya kepada perbincangan secara ilmiah berkaitan kemampuan pelajar peringkat pengajian tinggi dalam menguasai elemen kolokasi bahasa Arab di Malaysia.

Objektif kajian

Kajian ini dilakukan untuk tujuan berikut:

1. Menghuraikan kolokasi bahasa Arab dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia.
2. Meninjau kemampuan pelajar peringkat menengah dan pengajian tinggi dalam menguasai kolokasi bahasa Arab di Malaysia.

Kaedah Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kajian tinjauan deskriptif berdasarkan analisis dokumen. Pengkaji menggunakan kajian-kajian lepas berkaitan kolokasi bahasa Arab sebagai data kajian. Data-data daripada kajian-kajian lepas dianalisis dan dikategorikan mengikut tajuk dan tema kajian bagi melihat sejauhmana kefahaman penguasaan pelajar di peringkat pengajian tinggi di Malaysia memahami kolokasi bahasa Arab dan mengaplikasikannya dalam penggunaan bahasa Arab mereka. Pemilihan pelajar peringkat pengajian tinggi dalam memahami kolokasi bahasa Arab adalah disebabkan elemen kolokasi ini hanya sesuai dipelajari oleh pelajar di peringkat menengah dan tinggi. Dapatan kajian yang diperolehi melalui tinjauan literatur yang dijalankan akan menghuraikan sejauhmana peri pentingnya kolokasi bahasa Arab kepada pelajar khususnya dalam memahami penggunaannya dalam bidang bahasa Arab. Dapatan ini sekurang-kurangnya membuka jalan kepada pengkaji-pengkaji lain yang berminat untuk menjalankan kajian berkaitan kolokasi bahasa Arab di Malaysia.

Tinjauan Literatur

Dalam bahagian ini, tinjauan literatur dilakukan terhadap dua aspek utama yang berkaitan dengan kolokasi bahasa Arab. Dua aspek tersebut adalah seperti yang berikut:

Definisi Kolokasi & Kepentingan Kolokasi Bahasa Arab di Malaysia

Baker (1997) mendefinisikan kolokasi iaitu kecenderungan sebilangan perkataan untuk bergabung secara berkala dalam suatu bahasa, tetapi kata-kata yang mana dapat berkolaborasi dengan kata-kata mana yang tidak mempunyai kaitan logik.

Dalam bahasa Inggeris kita dapati perkataan kolokasi disebut sebagai “*collocation*” iaitu perkataan yang diambil dari kata kerja “*collocate*”. Manakala Baharom (2015) mempunyai pendapat yang sama sebagaimana yang termaktub dalam Kamus Dewan Edisi Keempat iaitu kolokasi merujuk kepada hubungan kedudukan atau kewujudan antara satu perkataan dengan perkataan yang lain dalam satu susunan.

Namun begitu, Baalbaki (1990) dalam kamusnya menulis kolokasi adalah نَزْعَةُ الْكَلِمَةِ إِلَى التَّضَمُّمِ إِلَى الْكَلِمَاتِ أُخْرَى بِالِاسْتِعْمَالِ اللَّغْوِيِّ yang dapat dimaksudkan kolokasi (*tadhāmma*) adalah kecondongan kata untuk bergabung dengan kata lain dalam pemakaian bahasa. Kamalie (2010) menjelaskan kolokasi bahasa Arab berkait rapat dengan ungkapan, ianya boleh membentuk struktur peribahasa, simpulan bahasa, ungkapan kontekstual, ataupun ungkapan tetap. Seterusnya dalam kajian Kamalie (2013) membahagikan kolokasi bahasa Arab kepada kolokasi Frasa Verbal iaitu Verba + Preposisi dan ia merupakan sumber utama simpulan bahasa Arab. Preposisi dalam bahasa Arab berpengaruh besar terhadap makna nomina dan verba sehingga dapat mengubah maknanya atau menjadikannya makna antonym, contohnya رَغِبَ فِي (membenci) dan رَغِبَ فِي (menyukai).

Konsep kolokasi dalam bahasa Arab tidak jauh berbeza dengan bahasa yang lain khususnya bahasa Melayu dan Inggeris. Istilah kolokasi ini dalam bahasa Arab menurut Hardiyanti & Budiastuti (2017) dan Alhadi et al. (2021) disebut sebagai تَلَازِمُ الْأَلْفَاظِ. Ia menunjukkan kata-kata yang mengiringi kata tertentu. Disebabkan oleh makna yang didukung oleh tiap-tiap perkataan. Kita hanya dapat menggabungkan sesuatu perkataan dengan perkataan tertentu sahaja. Contohnya, perkataan أُمَ berkolokasi dengan perkataan seperti رأس، بشر، قرى، أو لغة iaitu أم القرى (Mekah), أم أم (otak), أم البشر (Hawa), atau لغة الأم (bahasa ibunda). Ia juga melibatkan kolokasi antara kata kerja dan kata nama seperti kata kerja يَتْلُو (membaca) berkolokasi dengan القرآن tetapi tidak dengan المجلة (majalah) atau الكتاب (buku). Begitu juga kolokasi di antara kata kerja dan kata nama dengan sesuatu partikel seperti partikel "jar". Contohnya..... الاهتمام ب (mengambil berat dengan ...), ... يقدر على (boleh), (mampu untuk).

Menurut Muhammad & Mezah (2007) aspek kolokasi dalam bahasa Arab dapat diperincikan sebagai kolokasi antara kata kerja dan kata nama, antara kata nama atau frasa seperti frasa *idafah* (إليه المضاف والمضاف) dan frasa *sifat* (الصفة والموصوف) dan antara kata nama dan partikel serta kata kerja dan partikel. Partikel yang dimaksudkan di sini termasuk partikel 'jarr' juga partikel 'jazm' dan 'nasb' (أدوات الجزم والنصب). Kolokasi leksikal seperti yang dijelaskan ini adalah gabungan kata yang terdiri dari kata nama, kata kerja, kata sifat dan kata keterangan.

Benson et al. (1986) telah membahagikan kolokasi kepada dua kategori, iaitu kolokasi tatabahasa dan kolokasi leksikal. Kolokasi tatabahasa adalah gabungan kata yang terdiri daripada kata-kata dominan (kata nama, kata sifat, kata kerja) dan kata depan, misalnya 'menyimpang dari', 'terdiri daripada', dan kolokasi leksikal adalah gabungan kata yang terdiri dari kata benda, kata kerja, kata sifat dan kata keterangan, contohnya 'minum ubat', 'teh tawar', 'menanak nasi', 'membuat janji', 'berjalan cepat'.

Selain itu, kolokasi dalam bahasa Arab tidak lari daripada dua bahagian yang penting, iaitu, kolokasi frasa kata kerja dan kolokasi frasa kata nama. Terdapat juga sarjana bahasa Arab yang mengklasifikasikan kolokasi secara lebih terperinci mengikut aspek pembahagian perkataan seperti kolokasi antara kata kerja dan kata nama (KK + KN), kolokasi antara kata nama dan kata adjektif (KN + Adj), kata nama dan kata sendi (KN + KSN), dan sebagainya (Ghazala, 2007). Seiring dengan itu, Al-Khujaili dalam Nawi & Zainuddin (2018) turut mengklasifikasikan kolokasi bahasa Arab secara semantik kepada tiga jenis iaitu; kolokasi sederhana atau terbuka, kolokasi pertengahan atau semi-terhad dan kolokasi amat terhad yang mempunyai hubungan leksikal yang sangat kuat.

Walaupun terdapat beberapa kolokasi yang terletak berjauhan, namun ikatan yang kuat antara perkataan tersebut tidak dapat dipisahkan. Ini adalah kerana, kolokasi dalam bahasa Arab bersifat fleksibel dalam urutan kata membentuknya. Contohnya, *متنوع الألوان* kepada *الألوان المتنوعة*. Kolokasi bahasa Arab juga dianggap sebagai '*arbitrari*' yang bermaksud kombinasi yang sewenang-wenangnya, iaitu gabungan antara perkataan tertentu turut dipengaruhi oleh faktor adat dan budaya masyarakat sesuatu bahasa tanpa ada alasan yang munasabah. Oleh kerana itu, perkataan yang membentuk kolokasi ini tidak dapat diubah atau diganti dengan perkataan yang sama erti atau sinonim dengannya (Kamalie, 2010; Abdul Wahab, 2014).

Menurut Al-Wadrani (2006) pula, kombinasi antara perkataan ditentukan oleh aspek konstruk, keterikatan, semantik, terjemahan dan fungsi. Ini bermakna, gabungan perkataan yang membentuk kolokasi memiliki ciri-ciri tertentu yang boleh dikenal pasti melalui syarat-syarat yang gariskan oleh para sarjana. Berikut adalah contoh-contoh kolokasi leksikal bagi bahasa Arab.

Contoh Kolokasi leksikal:

Mengharuskan, Mewajibkan	ألزم ب
Menggabungkan	اتبع ب
Dimaknai Diam, Berdomisili	باطن ب
Mewajibkan	فرض على
Menghilangkan	غاب عن
Menceraikan atau Memisahkan	ابتعد عن
Berputus Asa	يئس من
Condong atau Menyimpang	حاد عن

Mengenai, atau Terjadi		حَصَلَ ل
Mengenai, atau Terjadi		حَصَلَ عَلَى
Memberontak, Menyerang		خَرَجَ عَلَى
Membelok, Perkecualian dari atau Melampaui		خَرَجَ عَنِ
Memanggil, Mengundang		دَعَا ب
Menyebabkan, Mendatangkan		دَعَا إِلَى
Menghadang atau Mengelak		رَاغَ عَنْ أَوْ مِنْ
Cenderung atau Berpihak dengan Sembunyi-Sembunyi		رَاغَ إِلَى
Mengajukan, Tunduk		سَلَّمَ إِلَى
Menyelamatkan		سَلَّمَ مِنْ
Memberi Hormat		سَلَّمَ عَلَى
Mengakui, Menetapkan		سَلَّمَ ب
Memandang Rendah		سَامَ عَنِ
Menaikkan		سَمَا ب
Mengangkat kepada Berhasrat		سَمَا إِلَى
Memperoleh darinya Kebaikan		يَدَى مِنْهُ
Dalam Percubaan		تَحْتَ تَجْرِبَةٍ
Di bawah Kekuasaannya		تَحْتَ يَدِهِ
Atas Perbuatan		عَلَى يَدِ
Atas Bantuannya		عَنِ يَدِ
Dari Jauh		عَنْ بَعِيدٍ
Dari Jauh		مِنْ بَعِيدٍ

Kesimpulannya, kolokasi antara perkataan ini, melibatkan hubungan makna yang seharusnya diberi perhatian dalam mempelajari sesuatu bahasa bagi memastikan ketepatan dan kejelasan maksud yang ingin disampaikan. Keadaan ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Zakaria et al. (2015) disebut sebagai *collocational meaning* atau (المعنى التلازمي).

Kajian-kajian lepas berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran Kolokasi Bahasa Arab di Malaysia

Umumnya, kajian-kajian lepas berkaitan dengan kolokasi bahasa Arab dan penguasaan pelajar dalam elemen bahasa ini ada pelbagai tujuan dan matlamat. Dapatan-dapatan yang diperoleh daripada kajian-kajian ini sedikit sebanyak membantu pengkaji mendapatkan gambaran sebenar pencapaian pelajar peringkat menengah dan tinggi dalam aspek kolokasi.

Terdapat kajian ilmiah yang terkini membincangkan mengenai tahap penggunaan strategi pembelajaran kolokasi. Kajian ini bertajuk “Strategi Pembelajaran Kolokasi Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam Malaysia” oleh Asbulah et al. (2019). Kajian ini dijalankan untuk meninjau tahap penggunaan strategi pembelajaran kolokasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar bahasa Arab di universiti awam Malaysia. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini berbentuk kuantitatif iaitu soal selidik. Satu set soal selidik jenis skala Likert telah diedarkan kepada pelajar bahasa Arab yang sedang mengikuti pengajian di universiti awam dan sudah berada pada tahun akhir pengajian. Kajian ini menggunakan pensampelan rawak mudah. Seramai 344 orang pelajar daripada lapan buah universiti awam menyertai kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi pembelajaran kolokasi dalam bahasa Arab adalah dominan walaupun berada pada skala penggunaan yang sederhana.

Pada tahun sebelumnya, Asbulah et al. (2018) terlebih dahulu menjalankan kajian yang bertajuk “Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Strategi Pembelajaran Kolokasi Bahasa Arab: Analisis Menggunakan Model Rasch”. Kajian yang kedua ini dijalankan bertujuan untuk mengesahkan dan memeriksa kebolehpercayaan instrumen strategi pembelajaran kolokasi bahasa Arab. Seramai 5 orang panel pakar telah terlibat bagi mengesahkan instrumen ini. Dengan itu, soal selidik telah diedarkan kepada 61 pelajar tahun akhir yang sedang mengikuti program pengajian bahasa Arab di universiti awam sebagai responden dalam kajian ini. Perisian Winsteps Version 3.69.1.11 telah digunakan untuk pemeriksaan ke fungsian item dari aspek kebolehpercayaan dan pengasingan item-responden, polariti dan kesesuaian item mengukur konstruk serta nilai korelasi residual terpiawai. Analisis akhir mendapati tiada item disingkirkan. Instrumen akhir menunjukkan sebanyak 40 item yang sesuai digunakan untuk mengukur konstruk strategi pembelajaran kolokasi. Dapatan daripada analisis telah berjaya membuktikan secara statistik bahawa item-item ini mempunyai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi dan wajar digunakan untuk para pelajar di peringkat IPT. Melalui pernyataan masalah kajian, pengkaji membentangkan laporan daripada kajian Mohamad (2002) menyatakan bahawa amat membimbangkan apabila seramai 98% pelajar tidak dapat membezakan jenis kolokasi terutamanya dalam konsep al-idafat dan al-na’at. sama ada dalam penulisan, bacaan ataupun latihan. Ini dibuktikan melalui dapatan kajian yang menyatakan bahawa 4.76% sahaja pelajar yang berjaya dalam ujian frasa kolokasi dan 95.24% pelajar yang lain dianggap gagal. Kerumitan dan masalah yang timbul bagi aspek kolokasi (Muhammad & Mezah, 2007; Jumingan, 2009; Abdul Wahab, 2014) yang mempelajari bahasa Arab di peringkat IPT telah menuntut perhatian dan penekanan semua pihak (Jumingan 2009; Kamarudin 2014) atas tiga sebab. Pertama, penelitian laporan kajian lepas dalam kajian Muhammad & Mezah (2007) yang berkaitan dengan aspek kolokasi bahasa Arab dalam kalangan 155 pelajar IPT bagi penggunaan partikel, kata nama dan kata kerja menunjukkan tahap yang lemah, kritikal dan kurang memberangsangkan kerana peringkat tersebut menentukan hala tuju dan sejauh mana tahap kefahaman seseorang pelajar.

Rentetan daripada dua kajian yang lalu, Asbulah et al. (2020) telah menjalankan kajian bertajuk *The Effect of Motivation on Arabic Collocation Knowledge: The Mediating Role Of Collocation Learning Strategies*. Kajian ini diadakan disebabkan oleh beberapa permasalahan kajian berkaitan kolokasi yang dikaji sebelum ini dalam kalangan pelajar masih belum menunjukkan tanda-tanda akan berakhir. Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengenal pasti pengetahuan bahasa Arab kolokasi dengan mengambil beberapa faktor iaitu strategi pembelajaran motivasi dan kolokasi yang mempunyai potensi untuk meningkatkan pengetahuan mengenai kolokasi bahasa Arab di Malaysia. Dalam kajian ini, reka bentuk keratan rentas diterapkan. Persampelan rawak mudah digunakan di mana seramai 344 pelajar bahasa Arab tahun akhir dari lapan universiti awam di Malaysia mengambil bahagian dalam kajian dengan melengkapkan satu set ujian dan soal selidik. Data dianalisis menggunakan Model Teknik Pemarkahan Persamaan Struktural (PLS-SEM). Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan langsung dan tidak langsung antara pemboleh ubah motivasi, strategi pembelajaran kolokasi dan pengetahuan kolokasi. Selain itu, faktor strategi pembelajaran juga berfungsi sebagai pengantara separa. Dapatan tersebut menunjukkan pengetahuan pelajar terhadap kolokasi akan meningkat dan bertambah jika mereka mempunyai motivasi tinggi dan strategi pembelajaran yang berkesan.

Kajian selanjutnya dijalankan oleh Nawi & Zainuddin (2018) iaitu *Perspektif Awal Pelajar Terhadap Keperluan Pembelajaran Kolokasi Bahasa Arab di Peringkat Pra-Universiti*. Tinjauan literatur telah menunjukkan bahawa kolokasi merupakan salah satu punca yang menyebabkan para pelajar tidak dapat menguasai kemahiran asas bahasa Arab dengan baik terutamanya di dalam kemahiran produktif iaitu menulis dan bertutur. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengetahui tahap pengetahuan kolokasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar seterusnya mengenal pasti keperluan pembelajaran kolokasi di peringkat pra-universiti daripada pandangan dan persepsi para pelajar. Reka bentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah soal selidik telah dipilih bagi mendapatkan data dan kemudiannya dianalisis secara deskriptif bagi mencari taburan kekerapan dan peratusan. Seramai 150 orang pelajar jurusan Syariah dan Undang-undang Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan majoriti pelajar yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua di peringkat pra universiti mempunyai kurang pengetahuan dan kesedaran tentang aspek kolokasi. Malah, dapatan kajian turut mendapati bahawa hampir keseluruhan pelajar menghadapi masalah ketika menggunakan kata yang berkolokasi dengan kata yang lain ketika membina ayat bahasa Arab

Dalam bidang penterjemahan, kolokasi memainkan peranan penting di mana ia perlu diberi perhatian serius oleh penterjemah kerana perlu ditakrifkan dengan baik semasa terjemahan kerana ini akan mempengaruhi kualiti terjemahan itu sendiri. Kajian Baharum et al. (2018) bertajuk *Problems in Translating English-Arabic Collocations Among Students of Faculty of Major Languages Studies* telah merungkai perspektif ini. Metodologi yang digunakan dalam kajian tersebut berdasarkan kaedah kualitatif; temu ramah mendalam dengan 15 pelajar sarjana tahun akhir Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Penyelidikan ini bertujuan untuk mencari masalah yang dihadapi oleh pelajar yang merangkumi; tatabahasa, leksikal dan budaya. Hasilnya menyimpulkan masalah utama yang dihadapi oleh pelajar berkaitan dengan masalah tatabahasa diikuti dengan masalah leksikal, budaya dan lain-lain yang berkaitan dengan pengaruhnya terhadap bahasa ibunda mereka, kekurangan perbendaharaan kata, kesukaran dalam memahami perbendaharaan kata, kekerapan latihan bahasa, terjemahan literal dan mekanisme. Penemuan ini akan meningkatkan kualiti menterjemahkan dan mentafsirkan kolokasi. Kajian ini percaya bahawa jurang dalam menterjemahkan bahasa Inggeris ke bahasa Arab kolokasi

dapat diatasi pada masa akan datang dan dengan demikian memotivasi penyelidikan lebih lanjut ke bidang penting lain dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa.

Seterusnya, kajian peringkat Ph. D Abdul Wahab (2014) bertajuk “Penggunaan Penyusun Grafik Dalam Penguasaan Kolokasi Bahasa Arab” menyentuh beberapa perkara penting berkaitan kolokasi. Tujuan kajian ini ialah untuk mengenalpasti tahap penguasaan kolokasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar tingkatan empat dan mengukur keberkesanan penggunaan penyusun grafik dalam pembelajaran kolokasi bahasa Arab. Kaedah kuasi eksperimen dilaksanakan dengan menggunakan ujian kolokasi bertulis melalui ujian pra dan pasca serta kaedah tinjauan secara temu bual. Sampel kajian ini seramai 60 orang pelajar tingkatan empat aliran sains agama di Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 18, Shah Alam, Selangor dan tidak diagihkan secara rawak kepada dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan ($n=30$) dan eksperimen ($n=30$). Data dianalisis secara diskriptif bagi mendapatkan kekerapan, peratusan dan min. Ujian t turut dijalankan untuk mengukur perbezaan tahap penguasaan kedua-dua kumpulan. Manakala data temu bual pelajar pula dianalisis secara manual. Dapatan kajian ini menunjukkan penguasaan kolokasi bahasa Arab KN+KN (al-idafah) dan KN+KA (al-na‘at) kumpulan kawalan masih di tahap lemah manakala kumpulan eksperimen di tahap sederhana.

Samah (2012) dalam kajiannya yang bertajuk Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama sedikit sebanyak telah menyentuh aspek kolokasi. Melalui pernyataan masalah kajian ini ialah terdapat isu yang timbul dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama. Mereka didapati lemah membina ayat bahasa Arab dengan baik. Tujuan kajian adalah bagi melihat tahap pelajar dalam membina ayat melalui penyusunan perkataan, penyambungan ayat dan menulis karangan. Bagi mendapatkan data, satu set borang soal selidik yang mengandungi tiga bahagian tersebut diedarkan kepada 200 pelajar lulusan sekolah menengah agama di Malaysia yang sedang mengikuti pengajian di Universiti Sains Islam Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan tahap mereka dalam menyusun perkataan adalah baik. Dalam menyambung ayat pula adalah sederhana. Manakala dalam menulis karangan tahap mereka adalah lemah. Kelemahan ini antaranya disebabkan oleh penguasaan pelajar dalam aspek kolokasi.

Kesimpulannya, kajian-kajian yang telah dijalankan ini menunjukkan betapa isu kolokasi dalam kalangan pelajar peringkat menengah dan universiti sememangnya wujud dan berlaku. Melalui kajian-kajian tersebut jelaskan menggambarkan pelajar di Malaysia menghadapi kesukaran dalam menguasai kolokasi bahasa Arab dan kesukaran ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor dalaman seperti motivasi, tahap pengetahuan dan pemahaman pelajar serta faktor luaran seperti kaedah dan strategi pelajar dan guru dalam pembelajaran dan pengajaran.

Dapatan dan perbincangan kajian

Hasil daripada tinjauan dan analisis literatur berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran pelajar peringkat menengah dan pengajian tinggi dalam menguasai elemen kolokasi bahasa Arab di Malaysia, dapatlah dibuat kesimpulan sebagaimana berikut.

Realiti pembelajaran dan pengajaran di Malaysia menunjukkan jenis kolokasi yang sering diajar dan dipelajari ialah yang berbentuk kolokasi frasa kata kerja dan kolokasi frasa kata nama iaitu kolokasi antara kata kerja dan kata nama (KK + KN), kolokasi antara kata nama dan kata adjektif (KN + Adj), kata nama dan kata sendi (KN + KSN). Namun begitu terdapat juga jenis lain yang paling sukar dipelajari seperti kolokasi Frasa Verbal iaitu Verba + Preposisi. Hal ini kerana

Preposisi dalam bahasa Arab berpengaruh besar terhadap makna nomina dan verba sehingga dapat mengubah maknanya atau menjadikannya makna antonym, contohnya *عن* رغب (membenci) dan *في* رغب (menyukai).

Kajian-kajian lepas menunjukkan tahap pemahaman pelajar peringkat pengajian menengah dan tinggi terhadap kolokasi bahasa Arab adalah lemah. Mereka kurang menguasai dan memahami elemen kolokasi bahasa Arab dengan baik. Hal ini sebagaimana Abdul Wahab (2014) dalam kajiannya telah mengenalpasti kelemahan penguasaan pelajar dalam kolokasi bahasa Arab. Ia dianggap sebagai salah satu masalah yang sering dikenal pasti oleh para pendidik selain daripada masalah penguasaan tatabahasa, struktur ayat dan sebagainya. Kajian beliau menunjukkan tahap penguasaan kolokasi bahasa Arab masih lemah dan kurang memberangsangkan. Tambahan lagi, pelajar tidak menguasai makna dan penggunaan sesuatu perkataan Arab dengan baik serta tahap penguasaan kolokasi yang melibatkan penggunaan partikel *jar*, kata nama dan kata kerja masih di tahap yang lemah. Disamping itu, Samah (2012) mendapati kelemahan pelajar dalam penulisan adalah disebabkan pemilihan perkataan yang kurang tepat seperti penggunaan kata kerja dengan pelaku yang tidak sesuai. Tambahan pula, menurut Baharum et al. (2017) kesilapan terjemahan yang paling kerap dilakukan oleh pelajar adalah menterjemah perkataan yang berkolokasi. Apa yang lebih membimbangkan ialah seramai 98% pelajar tidak dapat membezakan jenis kolokasi tersebut sama ada dalam penulisan, bacaan ataupun latihan. Ini dibuktikan dalam kajian Mohamad (2002) yang menyatakan bahawa hanya 4.76% sahaja pelajar yang berjaya dalam ujian frasa kolokasi dan 95.24% pelajar yang lain dianggap gagal.

Kelemahan pelajar dalam memahami elemen kolokasi bahasa Arab dapat dikategorikan kepada beberapa perkara. Mezah (2006) melaporkan dalam kajiannya bahawa wujud kekeliruan dalam kalangan pelajar berkaitan hubungan semantik. Hal ini menyebabkan mereka kurang memahami maksud sesuatu perkataan serta penggunaannya yang betul dan tepat dalam ayat. Perkara ini disokong oleh kajian Abdul Wahab (2014) dan Muhammad & Mezah (2007) dengan mendapati masalah penguasaan tatabahasa pelajar berpunca daripada kurangnya kesedaran mereka terhadap elemen kolokasi bahasa Arab dan perkara ini sering berlaku semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Selain itu, menurut Nawawi & Zainuddin (2018) pelajar yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua di peringkat pra universiti mempunyai pengetahuan dan kesedaran yang sedikit tentang aspek kolokasi. Lebih-lebih lagi, keseluruhan pelajar menghadapi masalah ketika menggunakan kata yang berkolokasi dengan kata yang lain ketika membina ayat bahasa Arab. Di samping itu, Aladdin (1998) dalam tesis Ph. D beliau mendapati kekeliruan pelajar berkaitan kolokasi berlaku disebabkan ketiadaan strategi dan teknik pembelajaran yang berkesan. Dapatan ini disokong oleh Jumingan (2009) dengan mendapati penerokaan kolokasi bahasa Arab dari sudut strategi pembelajaran juga amat perlahan dan kurang mendapat tempat dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Begitu juga dengan kajian terkini daripada Asbulah et al, (2019) yang menyatakan bahawa strategi pembelajaran kolokasi dalam bahasa Arab adalah dominan walaupun berada pada skala penggunaan yang sederhana.

Jelas daripada dapatan kajian lepas yang dikaji menunjukkan bahawa para pelajar tidak mempunyai kemahiran dalam menggabungkan perkataan bersesuaian dengan konteks ayat semasa binaan ayat. Keadaan ini mengakibatkan pelajar menghadapi masalah dari sudut mengaplikasi perbendaharaan kata yang dimiliki secara tepat seterusnya tidak dapat menyampaikan maklumat yang dikehendaki. Mereka secara umumnya didapati lemah dan tidak berkemampuan untuk menguasai elemen kolokasi bahasa Arab di peringkat menengah dan juga universiti.

Rumusan

Kolokasi amat penting kepada pelajar khususnya bagi mereka yang mendalami bahasa Arab di peringkat menengah dan tinggi. Kemahiran menggunakan elemen kolokasi sangat diperlukan dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa Arab terutama dalam kemahiran menulis dan bertutur. Dapatan kajian menunjukkan pelajar peringkat menengah dan tinggi agak sukar menguasai elemen kolokasi bahasa Arab semasa mengaplikasikan bahasa tersebut dalam bidang masing-masing. Mereka didapati lemah dan kurang berkemahiran menggunakan elemen kolokasi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Kelemahan dalam kolokasi bahasa Arab ini boleh merencatkan perkembangan mereka dalam menguasai bahasa Arab seterusnya memberi implikasi yang buruk terhadap masa depan tenaga kerja professional dalam bidang bahasa Arab seperti pendidik, pemandu pelancong, pegawai kedutaan dan apa-apa kerjaya yang melibatkan penggunaan bahasa Arab. Analisis kajian ini boleh menjadi panduan mana-mana pengkaji dan penyelidik yang ingin mendapatkan data dan maklumat kajian berkaitan tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar peringkat menengah dan tinggi di Malaysia.

Rujukan

- Abdul Wahab, U. (2014). *Penggunaan penyusun grafik dalam penguasaan kolokasi Bahasa Arab/Uraidah binti Abdul Wahab* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Aladdin, A. (1998). *Kekeliruan antara'al-idafat'dan'al-na'at dikalangan pelajar Melayu* (Doctoral dissertation, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya).
- Alhadi, N. M., Abdullah, S. N. S., & Ismail, M. Z. (2021). Masalah Penterjemahan Kolokasi Arab dalam Kalilah Wa Dimnah. *Jurnal Pengajian Islam*, 36-49.
- Al-Wadrani, A. (2006). Manzilah al-Mutalazimat fi al-Mu'jam al-Wasit. Dalam al-Dirasat al-Mu'jamiyyat'. Mansyurat al-Jami'iyat al-Maghribiyyat li al-Dirasat al-Mu'jamiyyat. Rabat. 5,191.
- Asbulah, L. H., Aladdin, A., & Sahrim, M. (2020). The effect of motivation on Arabic collocation knowledge: The mediating role of collocation learning strategies. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 5(2), 1-18.
- Asbulah, L. H., Aladdin, A., & Lubis, M. A. (2019). Strategi Pembelajaran Kolokasi Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam Malaysia (Arabic Collocation Learning Strategies among Students of Malaysian Public Universities). *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 19(2).
- Asbulah, L. H., Lubis, M. A., & Aladdin, A. (2018). Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Strategi Pembelajaran Kolokasi Bahasa Arab: Analisis Menggunakan Model Rasch (Validity and Realibility of Arabic Collocation Learning Strategies Instrument: Analysis Using Rasch Model). *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 43(1S1), 131-140.
- Baalbaki, R. (1990). Trdb and Bind', from linguistic reality to grammatical theory'. *Kees Versteegh and Michael Carter (1990)*, 17-33.

- Baharom, N. (2015) Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baharum, A. S., Salleh, A. M., & Noor, N. M. (2017). Problems in Translating English-Arabic Collocations Among Students Of Faculty Of Major Languages Studies, Universiti Sains Islam Malaysia. *Al-Qanadir: International Journal of Islamic Studies*, 7(1), 16-34.
- Baker, C. (1992). *Attitudes and language* (Vol. 83). Multilingual Matters.
- Benson, M., Benson, E., & Ilson, R. (1986). *Lexicographic description of English*. J. Benjamins Publishing Company.
- Crowther, J., Dignen, S., and Lea, D. (2002). *Oxford Collocations Dictionary for Students of English*. Oxford University Press. Barfield, A. 2009. Following individuals' L2 collocation development over time. *Researching Collocations in Another Language-Multiple Interpretations*.
- Ghazala, H. (2007). *Dar El-ilm's Dictionary of Collocations* (English-Arabic). Beirut: Dar El-ilm
- Grimm, P. S. (2009). Collocation in modern standard Arabic revisited. *Zeitschrift für arabische Linguistik*, (51), 22-41.
- Hardiyanti, D., & Budiastuti, R. E. (2017). Penerjemahan Kolokasi pada Buku Bacaan Anak Dwibahasa. *Lensa*, 7(1), 52-69.
- Hajimaming, P., & Mezah, C. R. (2010). Penekanan Aspek Semantik Kata Pinjaman Arab dalam Bahasa Melayu Semasa Pengajaran Bahasa Arab. *Pengajaran Bahasa Arab Himpunan Pedoman Buat Guru dan Bakal Guru Siri, 1*.
- Jumingan, M. F. (2009). Penggunaan konsep kolokasi dalam penterjemahan Arab-Melayu. *Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-12*, 181-186.
- Kamalie, S. (2010). *Masalah penterjemahan kolokasi bahasa Arab ke bahasa Melayu: Satu kajian teks tafsir* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Kamalie, S. (2013). Masalah Penerjemahan Kolokasi dalam Tafsir Fi Zilal al-Qur'an. *TSAQAFAH*, 9(1), 171-202.
- Kamarudin, R. (2014). *A study on the use of phrasal verbs by Malaysian learners of English* (Doctoral dissertation, University of Birmingham).
- Mezah, C. R. (2006). *Analisis kesilapan leksikal dalam karangan Bahasa Arab* (Doctoral dissertation, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya).
- Mohamad, A. H. (2002). *Pembelajaran frasa bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu: satu analisis kesalahan* (Doctoral dissertation, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya).
- Muhammad, A.H., & Mezah, C.R. (2007). Kolokasi: Aspek Penting dalam Pengusaan Bahasa Arab: Satu Kajian di Kalangan Pelajar IPTA. *Persidangan Pengajaran dan Pembelajaran di Peringkat Pengajian Tinggi CTLHE07*, hlm. 139-148.

- Nawi, A., & Zainuddin, N. (2018). Perspektif Awal Pelajar Terhadap Keperluan Pembelajaran Kolokasi Bahasa Arab di Peringkat Pra-Universiti: Student's Early Perspectives on The Learning Arabic Collocation at Pre-university Level. *Journal of Fatwa Management and Research*, 394-417.
- Palmer, H. E. (1959). *A grammar of English words*. Longmans.
- Samah, R. (2012). Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 12(2).
- Widdowson, H. (2007). Jr firth, 1957, papers in linguistics 1934–51. *International Journal of Applied Linguistics*, 17(3), 402-413.
- Zakaria, M. Z., Mohamed, M. S., & Yusof, N. (2015) *Struktur Dan Konteks Kolokasi Frasa Al-Idāfāt Dalam Al-Quran: Satu Pemerhatian Semantik*. *Journal of Education and Social Sciences*, Vol. 1, (June), 137-149.